

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7236

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah persatuan dan pertubuhan tidak berdaftar yang telah menyalahi undang-undang sejak 2008 sehingga Jun 2014; dan
- (b) apakah bentuk hukuman yang pernah dikenakan terhadap pertubuhan-pertubuhan atau individu yang terbabit yang terlibat melanggar undang-undang dalam negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak mempunyai rekod mengenai jumlah pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kerana pihak-pihak berkenaan tidak hadir ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia untuk mengemukakan permohonan pendaftaran pertubuhan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ada mengambil tindakan terhadap pertubuhan seumpamanya berdasarkan aduan dan maklumat awam yang diterima dan jumlah pertubuhan yang telah dikenalpasti sebagai menyalahi undang-undang sejak tahun 2008 sehingga bulan September 2014 adalah sebanyak 49 pertubuhan.

Untuk menjawab soalan (b), bagi pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], maka tertakluk kepada hasil siasatan, pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia boleh mengambil tindakan pembatalan terhadap pertubuhan tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13 dalam Akta yang sama.